

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSUMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP) PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI 2023

KUALA LUMPUR, 23 MEI 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan SHMMP Pesta Kaamatan pada 27 Mei 2023 sehingga 2 Jun 2023 dan SHMMP Hari Gawai pada 29 Mei 2023 sehingga 4 Jun 2023. Tempoh pelaksanaan Skim tersebut adalah selama 7 hari iaitu 3 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 3 hari selepas perayaan.

2. Tempoh pelaksanaan adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa, iaitu **mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga**. Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga pula tidak tertekan dengan tempoh masa pelaksanaan yang terlalu lama.
3. **KPDN** telah mengenal pasti sebanyak **8 jenis barang yang akan dikawal di bawah Skim ini**. Selain itu, **6 jenis barang daripada kategori ayam dan telur sedang dikawal di bawah Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang sedang berkuat kuasa sejak 5 Februari 2022**.
4. Senarai barang; paras harga maksimum; dan tempoh pelaksanaan skim ini ditentukan berdasarkan beberapa **faktor seperti cuaca, ekonomi global**,

kadar tukaran wang asing, kadar upah dan permintaan serta penawaran.

5. Selain itu, penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi Kerajaan dan pemain-pemain industri. Senarai barang terlibat adalah seperti berikut:

(1) BARANGAN HARGA TERKAWAL SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN PESTA KAAMATAN 2023:

- (1) Kepak ayam;
- (2) Cili kering leper;
- (3) Daging kerbau import (India);
- (4) Bawang kecil merah (India);
- (5) Bawang putih (China);
- (6) Babi hidup (*Harga maksimum di peringkat ladang sahaja);
- (7) Daging babi (perut), dan;
- (8) Daging babi (daging dan lemak).

(2) BARANGAN HARGA TERKAWAL SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI GAWAI 2023:

- (1) Ayam tua hidup;
- (2) Kepak ayam;
- (3) Bawang putih (China);
- (4) Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing);
- (5) Ubi kentang Import (China);
- (6) Babi hidup (*Harga maksimum di peringkat ladang sahaja);
- (7) Daging babi (perut), dan;
- (8) Daging babi (daging dan lemak).

6. Hasil analisa dan pemantauan semasa, pihak Kementerian mendapati sekiranya barang tersebut tidak di kawal, harga barang tersebut dipercayai akan berada di paras harga yang lebih tinggi akibat peningkatan permintaan menjelangnya perayaan, semasa perayaan dan selepas perayaan.

7. **SHMMP Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2023** akan dikuatkuasakan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** dan membolehkan penentuan harga dibuat. Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk Skim ini di peringkat pemborong dan peruncit boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di www.kpdn.gov.my.

8. **Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN** akan ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani, pasar tamu dan pusat membeli-belah barang keperluan perayaan. Kementerian sentiasa menjalinkan kerjasama dengan KPKM bagi **memastikan bekalan barang yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Skim.**

9. Pada masa yang sama, penguatkuasaan secara berhemah dilaksanakan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya para peniaga mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dan mengamalkan peniagaan yang beretika.

10. **Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan dan menggunakan label merah jambu bagi barang yang dikawal harganya.** Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dan boleh dikenakan penalti

seperti berikut:

- (i) Kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum:
 - (a) Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
 - (b) Syarikat; boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
- (ii) kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal:
 - (a) individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
 - (b) syarikat; boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

11. Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, pengguna boleh menyalurkan aduan kepada Kementerian melalui:

- (i) Whatsapp ke 019- 279 4317 / 019-848 8000;
- (ii) Portal Aduan: <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- (iii) Pusat Panggilan 1800 886 800;
- (iv) E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- (v) Aplikasi telefon pintar Ez ADU, dan;
- (vi) Pusat Arahan Penguat Kuasa (ECC) 03-8882 6245 / 6088.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
KUALA LUMPUR, 23 MEI 2023**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION